

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN / BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]**

SOALAN

minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan senarai projek pembinaan Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) mengikut jumlah rumah dan kawasan terbabit dengan pecahan mengikut yang mana telah diselesaikan, sedang berjalan, terbengkalai dan diberhentikan serta adakah Kerajaan akan memperjuangkan nasib mereka dengan memastikan masalah ini dapat diselesaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2013 dengan sasaran pembinaan 20,000 unit rumah dalam tempoh 5 tahun dan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion. Walau bagaimanapun, sehingga tahun 2018, Kerajaan terdahulu hanya menyalurkan sejumlah RM200 juta untuk FELDA melaksanakan projek tersebut. Dengan peruntukan terhad, FELDA hanya mampu meneruskan pembinaan 38 projek PGBF melibatkan 8,314 unit rumah sahaja.

2. Melalui pembentangan Kertas Putih FELDA, Kerajaan telah meluluskan peruntukan geran sebanyak RM250 juta kepada FELDA untuk menyiapkan 20 tapak projek Perumahan Generasi Baru Felda (PGBF). Ini melibatkan 4,794 unit rumah yang tahap kemajuan kerja telah mencapai 70% dan ke atas.

3. Sehingga kini, daripada 20 projek tersebut, sebanyak 9 projek yang melibatkan 1,698 unit rumah telah mendapat pentaulihan Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance-CCC*). Daripada jumlah tersebut, 1,070 unit rumah atau 63 peratus, telah diserahkan kunci manakala 628 unit masih dalam proses penyerahan kepada peserta.

4. Di samping itu, terdapat 11 projek melibatkan 3,096 unit rumah masih dalam pembinaan. Sebanyak 660 unit dijangka dapat disiapkan dan diserahkan pada bulan Disember 2019 dan baki sebanyak 2,436 unit akan disiapkan secara berperingkat pada tahun 2020.

5. Usaha Kerajaan untuk menyiapkan rumah-rumah yang terbengkalai ini akan dapat memberikan manfaat langsung kepada generasi baharu FELDA. Tumpuan Kerajaan pada masa ini adalah untuk menyiapkan projek PGBF yang berada pada tahap kemajuan kerja 70% ke atas. FELDA juga sedang menjalankan Penilaian *Outcome* sebagai satu kaedah untuk mengukur prestasi dan pencapaian projek PGBF yang telah dilaksanakan. Data daripada hasil kajian ini dijangka akan dapat membantu FELDA menyediakan pelan tindakan yang lebih komprehensif dan mampan dalam menyelesaikan isu perumahan generasi baharu FELDA.

Sekian, terima kasih.